

## SEJARAH TINGKATAN 4

## SOALAN DAN JAWAPAN

## BAB 1 : KEMUNCULAN TAMADUN AWAL MANUSIA

## Tajuk : Tamadun Mesopotamia

*Soalan Struktur*

Petempatan awal di Lembah Mesopotamia telah berkembang secara evolusi kepada bandar dan negara kota sehingga membentuk tamadun terawal di dunia yang memberikan sumbangan besar kepada peradaban manusia sejagat.

(a) Apakah ciri-ciri sesebuah negara kota di Mesopotamia.

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 11 – 12)*

F1 Terbahagi kepada pusat kota, tembok kota, luar kota dan pelabuhan

F2 Di dalam kota terdapat istana, rumah kediaman, rumah ibadat, rumah kedai dan pasar

F3 Terdapat jalan raya yang lurus

F4 Tembok kota mempunyai kubu pertahanan dan pintu gerbang

F5 Terdapat sungai

F6 Terdapat kawasan tanah pamah

[F6 x 1m = Mak. 2 markah]

(b) Nyatakan kedudukan raja dalam sistem pemerintahan teokrasi di Mesopotamia.

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 12 - 13)*

F1 Raja sebagai ketua pentadbir

F2 Berkuasa dalam soal tanah, cukai serta hasil pertanian dan perniagaan

F3 Raja dianggap tuhan atau wakil tuhan

F4 Sebagai ketua tentera

F5 Sebagai ketua pendeta

F6 Sebagai ketua agama

F7 Menentukan pentadbiran ziggurat

F8 Berkuasa melantik ahli keluarga diraja memegang jawatan di ziggurat

[F8 x 1m = Mak. 3 markah]

**(c) Sebutkan ciri-ciri Kod Undang-Undang Hammurabi**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 14)*

F1 Berteraskan hak rakyat terhadap keadilan

F2 Hukuman setimpal dengan kesalahan

F3 Hukuman berbeza mengikut susun lapis masyarakat

F4 Mengandungi 282 undang-undang

F5 Dipahat pada tembok dan tiang besar

F6 Dijadikan dasar perundangan Mesopotamia

[F6 x 1m = Mak. 2 markah]

**(d) Senaraikan faedah-faedah penggunaan sistem tulisan terhadap perkembangan tamadun Mesopotamia.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 15)*

F1 Mewujudkan sistem pendidikan

F2 Lahirnya jurutulis

F3 Membolehkan urusan pentadbiran dan soal keagamaan dicatat

F4 Penggunaan resit, nota dan surat kredit dalam urusan perniagaan

F5 Melahirkan tradisi kesusasteraan

F6 Terhasilnya epik Gilgamesh

F7 Membawa kepada perkembangan ilmu astronomi, matematik dan geometri

F8 Perkembangan dalam ilmu perubatan

F9 Ubat-ubatan dapat dikatalogkan

F10 Cara mengubati penyakit dan cara menggunakan ubatan dapat dicatat

[10 x 1m = Mak. 3 markah]

**Tajuk : Tamadun Mesopotamia**

**Soalan Esei**

**(a) Galurkan proses sejarah pembentukan dan pertumbuhan tamadun Mesopotamia.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 11)*

Kod	Tema	Huraian
F1	<b>Sumer</b>	Orang Sumeria berhijrah ke wilayah selatan iaitu di Sumer
F2	<b>Kekal</b>	Membina petempatan kekal
F3	<b>Pertanian</b>	Mereka menjalankan aktiviti pertanian dengan menebus guna tanah
F4	<b>Pengairan</b>	Membina sistem pengairan
F5	<b>Lebihan</b>	Membawa kepada lebihan penghasilan makanan
F6	<b>Penduduk</b>	Mampu menampung keperluan penduduk yang ramai
F7	<b>Bandar</b>	Perkampungan berkembang menjadi bandar
F8	<b>Kota</b>	Membentuk negara kota

[8 x 1m = Mak. 8 markah]

**(b) Huraikan sumbangan tamadun Mesopotamia terhadap peradaban manusia sejagat.**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 14 - 16)*

Kod	Tema	
F1	<b>Undang-Undang</b>	Melahirkan Kod Undang-Undang Hammurabi yang berteraskan hak rakyat terhadap keadilan
F2	<b>Pendidikan</b>	Mewujudkan sistem pendidikan
F3	<b>Tulisan</b>	Kewujudan sistem tulisan membolehkan urusan pentadbiran dan perniagaan dicatat
F4	<b>Perniagaan</b>	Mempelopori urusan perniagaan yang disertakan resit, nota dan surat kredit

F5	<b>Kesusasteraan</b>	Melahirkan tradisi kesusasteraan
F6	<b>Gilgamesh</b>	Penghasilan epik Gilgamesh yang menjadi rujukan
F7	<b>Astronom</b>	Menyumbang kepada perkembangan ilmu astronomi, matematik dan geometri
F8	<b>Perubatan</b>	Perkembangan dalam ilmu perubatan.
F9	<b>Katalog</b>	Ubat-ubatan dikatalogkan / cara mengubati penyakit dan penggunaan ubat-ubatan dicatat
F10	<b>Roda</b>	Sumbangan dalam penciptaan roda
F11	<b>Kereta kuda</b>	Menghasilkan kereta kuda untuk tujuan peperangan dan pengangkutan
F12	<b>Kincir</b>	Penciptaan kincir air untuk pertanian
F13	<b>Layar</b>	Penciptaan kapal layar
F14	<b>Batu-bata</b>	Memperkenalkan cara membuat batu-bata daripada tanah liat
F15	<b>Arca</b>	Mencipta arca dan tiang batu
F16	<b>Empayar</b>	Merintis pembentukan empayar
F17		

[16 x 1m = Mak. 12 markah]

**Tajuk : Tamadun Mesir Purba**

*Soalan Struktur*

Tamadun Mesir yang dianggap sebagai “anugerah daripada Sungai Nil” berkembang dengan ciri-ciri tersendiri dan tanda kewujudan tamadun yang agung itu dapat dihayati melalui tinggalan warisan serta khazanah bangsanya.

(a) Apakah sebab Tamadun Mesir Purba dianggap sebagai “anugerah daripada Sungai Nil” ?

(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 17)

- Tamadun Mesir lahir di lembah ini
- Limpahan air sungai Nil menukar bentuk bumi yang tandus kepada kawasan yang subur
- Lanar yang dibawa membentuk delta yang subur
- Delta sesuai untuk kegiatan pertanian
- Delta sesuai untuk petempatan kekal

[5 x 1m = Mak. 2 markah]

**(b) Sebutkan amalan kepercayaan masyarakat Mesir Purba ?**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.20)*

- Percaya kepada konsep politeisme
- Tuhan orang Mesir dikaitkan dengan unsur alam
- Mempercayai kehidupan selepas mati
- Mayat disimpan dan dijaga dengan baik
- Keperluan selepas mati ditanam bersama mayat
- Mayat disolek dan dipakaikan alat kebesaran

**[6 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(c) Nyatakan sistem pendidikan dalam tamadun Mesir Purba**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 22)*

- Pendidikan dikhususkan kepada anak golongan atasan
- Kanak-kanak diberi pendidikan sejak kecil
- Pendidikan diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan
- Pendidikan dijalankan oleh rumah ibadat
- Pendidikan bertujuan untuk melahirkan pegawai terlatih
- Ilmu yang diajar ialah geometri, matematik dan sains

**[6 x 1m = Mak. 3 markah]**

**(d) Berikan kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh masyarakat Mesir Purba hasil penguasaan mereka dalam bidang matematik dan astronomi ?**

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 22)*

- Dapat mengawal banjir sungai Nil
- Mencipta sistem pengairan
- Menukar kawasan padang pasir menjadi kawasan pertanian
- Memperkenalkan kalendar 365 hari berdasarkan 12 bulan setahun

**[4 x 1m = Mak. 2 markah]**

**Tajuk : Tamadun Mesir Purba***Soalan Esei*

(a) Huraikan struktur pemerintahan dan pentadbiran kerajaan Mesir Purba.

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms.19 - 20)*

**Firaun** - Sistem pemerintahan diterajui oleh Firaun.

**Pemerintah** - Firaun menjadi ketua pemerintah

**Ketua** - Firaun menjadi ketua pendeta, ketua hakim dan ketua pahlawan

**Bantu** - Firaun dibantu oleh golongan bangsawan, rahib dan jurutulis.

**Pentadbiran** - Golongan bangsawan menjalankan pentadbiran, menjaga keamanan dan menguruskan pengagihan bekalan makanan

**Bangsawan** - Golongan bangsawan terdiri daripada pegawai, penasihat dan gabenor wilayah

**Rahib** - Rahib menguruskan hal keagamaan

**Jurutulis** - Jurutulis membantu pentadbiran dengan menulis rekod kerajaan

[8 x 2m = Mak. 8 markah]

(b) Nyatakan sumbangan utama tamadun Mesir Purba kepada ketamadunan manusia.

*(Ruj : Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat ms. 21 - 22)*

**Piramid** - Dalam senibina piramid

**Batu-bata** - Teknik pembinaan bangunan menggunakan batu-bata

**Kertas** - Penciptaan kertas daripada pokok papyrus untuk menulis

**Rekod** - Penyimpanan rekod menggunakan kertas

**Tulisan** - Menggunakan tulisan yang cantik sebagai suatu hasil seni

**Rendah** - Memulakan pendidikan di peringkat umur yang rendah

**Urus** - Sistem pendidikan diuruskan oleh rumah ibadat

**Kerajaan** - Sistem pendidikan diletakkan di bawah pentadbiran kerajaan

**Pegawai** - Sistem pendidikan bertujuan melahirkan pegawai kerajaan terlatih

**Ajar** - Pengajaran ilmu geometri, matematik dan sains dalam pendidikan

**Mumia** - Memumiakan mayat

**Banjir** - Pengawalan banjir menggunakan ilmu matematik

**Pengairan** - Penciptaan sistem pengairan

**Tebus guna** - Menebus guna kawasan padang pasir menjadi kawasan pertanian

**Kalendar** - Memperkenalkan kalendar 365 hari dalam setahun

[15 x 2m = Mak. 12 markah]

